



Polisi

ANTI RASUAH

MINTRED Sarawak



ISI KANDUNGAN

Pendahuluan	2
Kenyataan Polisi Antirasuah MINTRED	
Latar Belakang	3
Tujuan	3
Objektif	4
Tanggungjawab & Tindakan	5
Unit Integriti MINTRED	6
Kesalahan Rasuah	7
Salah Guna Kuasa	9
Tuntutan Palsu	9
Peraturan Berkaitan Hadiah	10
Polisi Pemberi Maklumat	11
Perlindungan	12
Jenis-Jenis Salah Laku	12
Kaedah Perlaksanaan	13
Prosedur Pemberi Maklumat	14
Panduan Apabila Berhadapan Dengan Isu Perlakuan Rasuah	15
Saluran Aduan	16
Kegagalan Melapor	17
Pelaksanaan Ketekunan Wajar (Due Diligence)	18
Peruntukan Undang-Undang	19



PENDAHULUAN

Polisi Anti Rasuah, Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, Terminal Perindustrian & Pembangunan Usahawan MINTRED Sarawak ini diwujudkan bagi menerangkan dasar mengenai peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Polisi ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta serta peraturan yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa.

Polisi ini diharap dapat meningkatkan komitmen warga kerja agar sentiasa memberi perkhidmatan yang terbaik dan bersih serta memberi keberanian kepada anggota kerja untuk sama-sama membendung jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di tempat kerja. Budaya zero-rasuah adalah amalan kerja di MINTRED!

Selain itu, penetapan polisi ini juga diharap dapat memantapkan kecekapan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan awam negeri.



Polisi Anti Rasuah

MINTRED Sarawak



KENYATAAN POLISI ANTI RASUAH MINTRED SARAWAK

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MINTRED) beriltizam untuk membangunkan sektor perindustrian dan pembangunan usahawan yang mampan bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak. Ke arah itu, MINTRED komited untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan melalui pengukuhan *good governance* atau tadbir urus baik dan pelaksanaan sistem pengurusan antirasuah bagi menyediakan persekitaran kerja berintegriti.

Polisi antirasuah MINTRED menerangkan dasar mengenai peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Ianya selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta serta peraturan yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa.

MINTRED mengamalkan toleransi sifar terhadap apa-apa bentuk perlakuan rasuah dan berjanji untuk bertindak secara adil, professional dan berakauntabiliti bagi memastikan budaya kerja berintegriti dan berprestasi tinggi.

Bagi mencapai visi, misi MINTRED dan aspirasi Negara untuk dikenali kerana integriti dan bukannya kerana rasuah, MINTRED komited untuk:

- (a) Memastikan pelaksanaan Arahan No. 1 YAB Perdana Menteri Tahun 2018 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan
- (b) Memastikan pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 – Pemantapan Governans, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional
- (c) Memastikan pelaksanaan pematuhan Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang/peraturan berkaitan serta memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di MINTRED
- (d) Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti berunsur rasuah menerusi Polisi Pemberian Maklumat (Whistle Blower Policy)
- (e) Memberi kerjasama penuh kepada agensi anti-rasuah serta jabatan yang berkaitan seperti Unit Integriti & Ombudsman Negeri (UNION) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung amalan rasuah di dalam organisasi dan
- (f) Mengambil tindakan selaras dengan undang-undang ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang anti-rasuah atau tidak mematuhi polisi ini.

YBhg. Datu Liaw Soon Eng

Setiausaha Tetap

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan
Sarawak



LATAR BELAKANG

Polisi ini dirancang untuk dibukukan dengan cara yang mudah difahami dan senang disimpan bagi tujuan rujukan warga kerja. Ianya adalah satu bentuk komunikasi mengenai dasar anti-rasuah dalam usaha memantapkan budaya integriti di kalangan warga MINTRED!

TUJUAN

Polisi ini menetapkan amalan serta tatacara yang perlu dipatuhi berkaitan penerimaan barang bernilai termasuklah wang, hadiah, sumbangan, keraian, perjalanan, penginapan, diskaun, komisen, dan lain-lain faedah seumpamanya.

Tatacara tersebut hendaklah mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Peraturan 8.

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta Seksyen 165 Kanun Keseksaan.



OBJEKTIF

Memberi penerangan berhubung kesalahan - kesalahan yang terdapat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Memberi panduan berhubung tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan situasi perlakuan rasuah dan salah guna kuasa.

Sebagai satu kaedah pencegahan bagi mengenal pasti, memahami dan menjauhi perlakuan rasuah dan salah guna kuasa.

Mewujudkan warga kerja yang berintegriti dan bebas rasuah sebagai dasar yang kukuh bagi mencapai matlamat jabatan untuk menyampaikan perkhidmatan yang cekap secara berterusan.



TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Pengurusan Atasan

- Membuat pemantauan menyeluruh serta memberi tumpuan kepada komunikasi dalaman supaya dapat mengambil tindakan-tindakan proaktif dalam menangani gejala rasuah.

Warga MINTRED

- Melaporkan sekiranya terdapat aktiviti rasuah kepada saluran yang telah disediakan. Identiti pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
- Memahami Polisi Anti Rasuah MINTRED.
- Memberi kerjasama sepenuhnya semasa prosiding siasatan dijalankan.
- Menghadiri latihan berkaitan pematuhan Polisi Anti Rasuah.

Unit Integriti MINTRED

- Melaksanakan kawalan dalaman berkaitan sebarang kelakuan jenayah yang berlaku di dalam jabatan dan melaporkan kepada agensi berkaitan.
- Memberi penerangan yang jelas kepada semua warga MINTRED berkaitan sebarang pelanggaran tatakelakuan yang membolehkan pegawai diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan
- Membuat penilaian, penyiasatan dan melaporkan aduan atau maklumat yang diterima daripada Pemberi Maklumat melalui Ahli Jawatankuasa Anti Rasuah MINTRED (JAR).



UNIT INTEGRITI

Tadbir Urus

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

Pengukuhan Integriti

Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

Pematuhan dan Tatatertib

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Aduan & Pengesanan dan Pengesanan

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan / maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.

Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang



KESALAHAN RASUAH

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kesalahan rasuah.

Perbuatan sama ada menawar, memberi, meminta atau menerima seperti wang, hadiah, perkhidmatan, upah dan sebagainya sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan bidang tugas individu tersebut.

Meminta atau menerima suapan di bawah Seksyen 16 dan 17 (A) Akta SPRM 2009

Menawar atau memberi suapan di bawah Seksyen 17 (B) Akta SPRM 2009

Mengemukakan tuntutan palsu di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009

Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai badan awam di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009



Sabit kesalahan boleh dikenakan penjara tidak lebih 20 tahun dan denda dengan tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi di bawah Seksyen 24 Akta SPRM 2009. Antara seksyen dan akta yang terlibat adalah:

SEKSYEN 16 DAN 17 AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)

PENJARA TIDAK MELEBIHI 20 TAHUN DAN DENDA TIDAK KURANG 5 KALI GANDA NILAI RASUAH ATAU RM 10,000 YANG MANA LEBIH TINGGI.

SEKSYEN 161 KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)

PENJARA SEHINGGA 3 TAHUN ATAU DENDA KEDUA-DUANYA

SEKSYEN 165 KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)

PENJARA SEHINGGA 2 TAHUN ATAU DENDA KEDUA-DUANYA

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2) (a), (b), (f) dan (g). Peraturan – peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

SALAH GUNA KUASA

Seseorang individu menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu yang mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

SEKSYEN 23 AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2). (b). (c)(i).(c)(ii), (f) dan (g). Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

TUNTUTAN PALSU

Seseorang individu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (majikan/jabatan).

SEKSYEN 18 AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



PERATURAN BERKAITAN HADIAH

- Semua warga MINTRED tidak boleh meminta atau menerima segala bentuk hadiah seperti wang, hamper, tajaan percution, tambang percuma, perkhidmatan dan sebagainya daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi. Seseorang individu juga tidak boleh menerima hadiah yang tidak sepadan dengan maksud ianya diberikan atau diterima dengan niat rasuah atau jenayah.
- Sekiranya individu tersebut berada di dalam keadaan di mana pemberian hadiah itu sukar ditolak, individu tersebut boleh menerimanya tetapi hendaklah melaporkan secara bertulis kepada ketua jabatan untuk mendapatkan kelulusan.
- Peraturan berkaitan penerimaan dan pemberian hadiah adalah seperti di dalam Pekeliling Perkhidmatan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam, Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.





POLISI PEMBERI MAKLUMAT

Polisi Pemberi Maklumat diwujudkan bagi tujuan berikut:

Menggalakkan kakitangan, orang awam, pembekal, kontraktor dan lain-lain pihak ketiga untuk melaporkan apa-apa pelanggaran tatakelakuan atau perbuatan rasuah samada yang sedang berlaku, disyaki akan berlaku atau yang telah berlaku, sebarang tindakan yang menyalahi undang – undang, salah laku dan penyalahgunaan kuasa ataupun penyelewengan ke saluran yang telah ditetapkan tanpa rasa takut atau bimbang.

Memberi keyakinan kakitangan, orang awam, pembekal, kontraktor dan lain-lain pihak ketiga yang membuat pendedahan, bahawa mereka dilindungi dan disimpan secara rahsia serta tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak yang lain. Perlindungan tidak akan diberikan sekiranya Jabatan mendapati pendedahan tersebut dibuat dengan niat jahat atau untuk kepentingan peribadi.

Mengalakkan pemberi maklumat mendedahkan aktiviti rasuah, penyelewengan dan sebarang bentuk salah laku.



PERLINDUNGAN

Pemberi maklumat akan diberikan perlindungan sebagaimana yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) iaitu : -

- Melindungi maklumat sulit;
- Imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah ; dan
- Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan

JENIS – JENIS SALAH LAKU

Laporan salah laku adalah tidak terhad kepada:

- Mengambil atau memberi rasuah
- Penyalahgunaan kuasa
- Penipuan sebenar atau yang disyaki
- Perlakuan pelanggaran undang – undang dan peraturan
- Sebarang tindakan yang melibatkan percanggahan kepentingan
- Pencurian, Penyelewengan dan penyalahgunaan inventori atau aset
- Kesalahan jenayah, memeras ugut
- Tingkah laku yang tidak beretika
- Pemalsuan dokumen




KAEDAH PELAKSANAAN

Aduan atau maklumat boleh disalurkan melalui surat, e-mel, telefon atau perjumpaan secara bersemuka. Mengadakan perjumpaan secara bersemuka dengan pemberi maklumat adalah penting bagi memastikan maklumat yang diberi adalah sahih.

Jawatankuasa Antirasuah MINTRED akan menilai, menyiasat dan melaporkan aduan atau maklumat yang diterima daripada Pemberi Maklumat dan mengesyorkan tindakan diambil dengan cepat dan adil.

Sekiranya pendedahan yang dibuat oleh Pemberi Maklumat didapati dengan niat jahat atau dakwaan yang tidak berasas atau berkaitan tuntutan yang remeh dan berunsur fitnah, tindakan boleh dikenakan terhadap Pemberi Maklumat tersebut.





PROSEDUR PEMBERI MAKLUMAT

Diwujudkan bertujuan untuk menyediakan saluran bagi memudahkan kakitangan, orang awam, pembekal, kontraktor dan lain-lain pihak ketiga untuk mendedahkan atau melaporkan aktiviti salah laku, penyelewengan, rasuah, tidak sah atau tidak beretika yang bertentangan dengan amalan dan tingkahlaku di Kementerian.

Prosedur ini wujud untuk memastikan pemberi maklumat akan dilindungi kerana Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang muhasabah untuk mengekalkan kerahsiaan pemberi maklumat apabila membuat pendedahan. Sekiranya pemberi maklumat itu memutuskan untuk mendedahkan identiti atau penyiasatannya oleh pihak berkuasa penguatkuasa undang-undang, maka kewajipan dan tanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan tidak lagi diwajibkan oleh Kementerian. Pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Selain itu, Kementerian juga memberi jaminan bahawa pemberi maklumat itu akan dilindungi daripada tindak balas atau apa-apa tindakan yang merugikan dan memudaratkan bahawa pendedahan itu mesti dibuat berdasarkan fakta dan bukti. Siasatan menyeluruh sebaik sahaja menerima maklumat.

PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

1 TOLAK

- Mana-mana individu yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran tersebut dan segera melaporkan kepada Pegawai Integriti, pihak pengurusan Kementerian.
- Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah ataupun perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, individu tersebut hendaklah menolak arahan tersebut dan segera melaporkan perkara itu kepada Pegawai Integriti, pihak pengurusan Kementerian.

2 LAPOR

- Mana-mana individu yang mengetahui sesuatu kesalahan rasuah atau perkara-perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan telah, sedang atau akan berlaku, hendaklah segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan.
- Mana-mana individu diberitahu oleh mana-mana pihak berkaitan berlakunya kesalahan rasuah, maka individu tersebut hendaklah segera melaporkan kepada pegawai Unit Integriti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan.
- Mana-mana individu yang telah melaporkan berkaitan kesalahan rasuah hendaklah tidak mendedahkan maklumat atau pelaporan tersebut kepada mana-mana pihak yang lain. Ia bagi memastikan apa-apa keterangan dan bahan bukti yang berkaitan kesalahan tersebut daripada dimusnahkan.
- Individu yang berkaitan hendaklah merahsiakan identiti pemberi maklumat bagi melindungi pemberi maklumat / aduan tersebut daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.



SALURAN ADUAN

Sebarang aduan sila laporkan melalui saluran berikut :



HADIR SENDIRI

Berjumpa dengan Pegawai Integriti



TALIKHIDMAT

Hubungi: 082-555999

SMS: 62999 (Taip 555999 diikuti pesanan dan hantar ke nombor 62999)

<http://talikhidmat.sarawak.gov.my>



SURAT ADUAN

Unit Integriti

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (MINTRED) Sarawak
Tingkat 13, Wisma Sumber Alam,
Jalan Stadium, Petra Jaya
93050 Kuching



HUBUNGI

082-313212



KEGAGALAN MELAPOR

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kegagalan melaporkan rasuah merupakan kesalahan berikut:

Gagal melaporkan pemberian atau tawaran suapan di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

01

Gagal melaporkan permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM 10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

02



PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)

TAPISAN DALAMAN (SEMAKAN OLEH BAHAGIAN INTEGRITI)

- Kenaikan pangkat
- Pengesahan dalam perkhidmatan
- Pertukaran
- Penempatan
- Bercuti keluar negara
- Permohonan pekerjaan luar
- Perisytiharan harta
- Tahap keberhutangan

eBIDDING

Penyediaan dan format surat setuju terima dalam modul sebut harga / tender / eBidding melalui Sistem ePerolehan (eP).

TAPISAN DALAMAN

Data pesalah rasuah melalui laman sesawang www.sprm.gov.my

SISTEM TAPISAN KEUTUHAN (ESTK) - SPRM

<https://estk.sprm.gov.my/v2>

Berdasarkan pekeliling Am Sulit 1/1985

- Bersara Pilihan
- Tapisan Am
- Pengurniaan Pingat Persekutuan
- Pingat Negeri



PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;
- Seksyen 213-215 Kanun Keseksaan – mengambil hadiah, menawarkan hadiah;
- Seksyen 165 Kanun Keseksaan – penjawat awam menerima benda berharga;
- Seksyen 403-409 Kanun Keseksaan – pecah amanah jenayah;
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA); dan
- Ordinan Darurat No. 22, 1970 – Kesalahan salah guna kuasa dan percanggahan kepentingan.